

Landskap Bahasa dalam Dunia Ilmiah



**Profesor Dato' Dr. Roslan
Abd Shukor**

Pengerusi Penerbit
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

“Sebenarnya penggunaan bahasa Melayu dalam penerbitan ilmiah merupakan satu aset penting bukan sahaja untuk Malaysia tetapi juga untuk dunia. Pihak penerbitan antarabangsa seperti Thomson Reuters juga menyedari bahawa banyak ilmu di dunia ini yang perlu kekal diterbitkan dalam bahasa asalnya kerana hanya dengan ini sahaja makna sebenar sesebuah karya itu dapat dikekalkan.”

Benarkah bahasa Melayu tidak didaulatkan oleh mahasiswa dan pensyarah tempatan di universiti? Adakah penerbitan, sama ada buku atau jurnal berbahasa Melayu, tidak lagi menjadi rujukan? Benar atau tidak rungutan yang mengatakan bahawa jika menulis dalam bahasa Melayu, maka hasil kajian seseorang mahasiswa dan pensyarah tersebut tidak akan dikenali pada peringkat antarabangsa? Persoalan-persoalan tersebut harus dibicarakan secara tuntas dan bernas bagi mendapat jawapan yang sewajarnya. Jika bahasa Melayu tidak lagi menjadi bahasa utama dalam kalangan ilmuan, intelektual, dan cendekiawan di universiti, maka pada siapakah lagi kita boleh bergantung harap untuk memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu?

Dunia penerbitan ilmiah, termasuklah penerbitan buku dan jurnal, merupakan sumber dan 'buah tangan' ilmuwan kepada masyarakat. Perkembangan industri penerbitan ilmiah sedikit sebanyak membantu membentuk masyarakat minda kelas pertama. Industri tersebut bukan sahaja mampu menyebarluaskan penerbitan ilmiah dalam kalangan masyarakat, malah berkebolehan dalam mengangkat hasil penerbitan tersebut pada peringkat antarabangsa. Untuk itu, *Dewan Bahasa* mewawancarai Profesor Dato' Dr. Roslan Abd Shukor, Pengerusi Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), bagi mendapat maklumat dan penerangan mengenai peranan bahasa Melayu di universiti serta perkembangan dunia penerbitan ilmiah.